

## **5S Jabatan Bendahari , Universiti Malaysia Pahang**

### **Amalan 5S**

Konsep Amalan 5S mula diperkenalkan kepada syarikat-syarikat di negara Jepun pada awal tahun 1980an. Amalan 5S ialah kaedah atau alat pengurusan yang boleh mewujudkan persekitaran di tempat kerja berkualiti, yang selesa, kemas dan selamat di dalam organisasi dan menentukan kepatuhan kepada piawaian serta dapat memupuk usaha penambahbaikan yang berterusan.

Di Malaysia, Konsep Amalan 5S mula diperkenalkan pada pertengahan tahun 1980an dan telah dipraktikkan dalam sektor swasta terutama syarikat-syarikat multi-nasional. Kini banyak agensi -agensi Perkhidmatan Awam mengamalkan Amalan 5S. Amalan 5S merupakan satu pendekatan bersistematik amalan penjagaan kebersihan tempat kerja dengan menyusun, membersihkan dan mengekalkan persekitaran kerja produktif.

Pelaksanaan Amalan 5S yang berkesan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja serta dapat mengurangkan risiko kemalangan ditempat kerja.